

Majlis Perasmian Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Kebangsaan

Intekma Resort, Shah Alam, Selangor 22 Ogos 2002

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Disability Resources Centre (DRC) kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Peringkat Kebangsaan ini.

2. Saya berasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana sejak negara kita merdeka Kerajaan dapat memajukan negara dengan pesat. Semua pihak termasuk orang kurang upaya turut terlibat dalam pembangunan negara. Kerajaan bangga golongan orang kurang upaya di negara ini sentiasa berpandangan positif dan berkeyakinan bahawa hak dan kehidupan mereka boleh diubah sekiranya mereka berusaha dan diberi peluang memajukan diri mereka.

3. Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan status golongan orang kurang upaya. Satu daripadanya adalah pendaftaran orang kurang upaya di seluruh negara. Ia bertujuan mengenal pasti bilangan sebenar mereka dalam negara ini serta taburan mereka, jenis ketidakupayaan dan umur. BANCIAN ini adalah untuk membantu Kerajaan membuat perancangan daripada segi perkhidmatan serta program-program pemulihan, latihan, rawatan dan penyediaan kemudahan sokongan yang lain untuk mereka. Sehingga kini seramai 105,300 orang kurang upaya telah mendaftarkan diri. Usaha pendaftaran ini adalah satu usaha berterusan dan Kerajaan berharap ibu bapa yang mempunyai anak yang kurang upaya berdaftar segera dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4. Walaupun peratus orang kurang upaya daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini kecil, Kerajaan tidak ingin melihat mereka dipinggir, dieksploitasi atau didiskriminasikan. Kerajaan akan terus membela mereka dengan mengatur dan melaksanakan program-program perkhidmatan yang lebih berkesan untuk faedah mereka. Kerajaan sememangnya komited terhadap kebajikan, kemajuan dan pembangunan golongan orang kurang upaya. Kerajaan telah menggubal pelbagai dasar dan melaksanakan program-program untuk membolehkan golongan orang kurang upaya menikmati kesejahteraan hidup yang lebih sempurna dan bermakna. Penggubalan dan seterusnya pelaksanaan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara pada tahun 1990 antara lain bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersemangat berdikari dan menikmati peluang yang sama. Golongan orang kurang upaya telah dikenalpasti sebagai satu Kumpulan Sasar Khas yang akan diberi perhatian di bawah Dasar ini.

5. Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk golongan orang kurang upaya melalui agensi-agensinya. Kementerian Kesihatan menyediakan intervensi awal dan kemudahan rawatan untuk orang kurang upaya. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula menyediakan bantuan modal di bawah Skim Geran Pelancaran bagi memulakan perniagaan dan Elaun Insentif bagi mereka yang mendapat pekerjaan di samping perkhidmatan pemulihan dan latihan. Kementerian Pendidikan menyediakan peluang pendidikan dan vokasional manakala Kementerian Sumber Manusia menyediakan peluang pekerjaan serta berusaha untuk mengintegrasikan golongan ini ke dalam masyarakat. Kementerian Kewangan terus memberikan insentif daripada segi percukaian. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan garis panduan bagi pemaaju-pemaaju bangunan baru meningkatkan aksesibiliti bangunan-bangunan ini kepada golongan kurang upaya.

6. Kesungguhan dan komitmen tinggi Kerajaan terhadap peningkatan kualiti hidup golongan orang kurang upaya telah diperkukuhkan lagi dengan penerimaan "Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi Orang Kurang Upaya Rantau Asia dan Pasifik" yang ditandatangani pada 16 Mei 1994 di Kuala Lumpur. Dengan menandatangani Proklamasi ini, Kerajaan telah memberi komitmen serta jaminan bahawa peluang-peluang bagi penyertaan penuh dan penyamaan peluang kepada golongan orang kurang upaya akan diberi perhatian. Di samping itu penerimaan Konvensi Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child) oleh Kerajaan, antara lain, menentukan hak kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya sentiasa dijaga supaya mereka sama-sama menikmati kemudahan dan peluang yang terdapat dalam arus perdana pembangunan negara daripada segi ekonomi dan sosial.

7. Kerajaan juga adalah komited untuk mencapai objektif atau sasaran yang ditetapkan dalam 'Agenda for Action for the Asia and Pacific Decade of Disabled Persons' bagi tempoh 1993-2002. Di bawah Agenda ini, pada 25 Februari 1998, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. Majlis ini dianggotai oleh Kementerian dan Jabatan, pertubuhan kebajikan sukarela dan orang perseorangan yang mempunyai hubung kait dengan isu-isu orang kurang upaya. Antara tanggungjawab Majlis ini adalah untuk merangka satu Pelan Tindakan dengan memberi tumpuan kepada 12 bidang tertentu atau "12 Areas of Concern" seperti terkandung di dalam Agenda Tindakan "Asian and Pacific Decade of Disabled Persons". Bidang-bidang ini termasuk urusan penyelarasan di peringkat nasional, pengumpulan maklumat, kesedaran awam, perundangan, kemudahan akses dan komunikasi, pendidikan, latihan dan pekerjaan, pencegahan sebab-sebab

kecacatan, pemulihan, alat-alat kemudahan, pertubuhan sukarela dan kerjasama serantau.

8. Bagi merealisasikan komitmen-komitmen yang dibuat ini, Kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai perkhidmatan khususnya perkhidmatan pemulihan, pendidikan dan latihan. Semuanya bertujuan menyediakan orang kurang upaya supaya bersemangat berdikari serta mampu meningkatkan tahap ekonomi mereka di masa hadapan.

9. Kerajaan juga menyediakan peluang pendidikan khas kepada kanak-kanak kurang upaya dan sehingga ini Kementerian Pendidikan telah menyediakan sebanyak 31 buah sekolah pendidikan khas, iaitu 28 buah sekolah rendah dan tiga buah sekolah menengah, untuk kanak-kanak kurang upaya penglihatan, pendengaran dan bermasalah dalam pembelajaran.

10. Kerajaan juga menyediakan peluang-peluang pemulihan dan latihan. Lima buah institusi Taman Sinar Harapan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan program pemulihan untuk seramai 950 orang. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mengendalikan dua buah institusi latihan iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan di Bangi dan Pusat Pemulihan di Cheras. Kedua-dua institusi ini dapat menampung seramai 450 pelatih pada sesuatu ketika. Latihan diberi dalam bidang perisian komputer bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pembangunan negara di masa kini, kesetiausahaan, pembaikan dan penyelenggaraan komputer, elektronik, rekaan dan fesyen. Ramai antara pelatih ini yang telah dapat memulakan perniagaan masing-masing setelah tamat latihan ini. Ada juga yang telah dapat bekerja dengan syarikat-syarikat swasta.

11. Kerajaan bagaimanapun tidak dapat menyediakan semua kemudahan atau memenuhi semua kehendak golongan orang kurang upaya. Sumber kewangan Kerajaan bukanlah tidak terhad dan pihak lain juga memerlukan peruntukan yang sewajarnya. Justeru itu, Kerajaan terpaksa bergantung kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela atau N.G.O. Mereka memainkan peranan yang penting dalam membela golongan orang kurang upaya. Badan-badan ini banyak 'complement' usaha-usaha Kerajaan melalui penyediaan kemudahan fizikal serta peluang pemulihan, pendidikan dan latihan. Sehingga kini terdapat sebanyak 163 buah pertubuhan sukarela bukan Kerajaan berdaftar yang beroperasi di seluruh negara. Usaha-usaha badan-badan ini juga disokong oleh pihak Kerajaan melalui pemberian bantuan dalam bentuk geran penyelenggaraan dan geran tahunan. Sebagai contoh, pada tahun ini sebanyak 153 buah badan-badan sukarela ini telah diberikan geran tahunan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan latihan untuk golongan orang kurang upaya.

12. Pertubuhan sukarela bukan kerajaan ini kebanyakannya diwujudkan atas kesedaran dan inisiatif golongan orang kurang upaya sendiri. Mereka berupaya menerajui sendiri pengurusan persatuan masing-masing dengan merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti secara bersama. Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Persatuan Orang Buta Malaysia dan Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia adalah antara contohnya.

13. Kerajaan amat berbangga dan sentiasa menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh persatuan-persatuan seperti ini selagi matlamat mereka adalah untuk memperjuangkan hak dan kepentingan golongan orang kurang upaya. Kesatuan mereka telah memberi kekuatan dan hak bersuara kepada golongan ini untuk menuntut hak dan bantuan daripada pihak Kerajaan. Kerajaan memang sentiasa mengambil berat rintihan golongan orang kurang upaya.

14. Mulai tahun 1995, Kerajaan telah meluluskan tambahan pelepasan diri sebanyak RM5,000 untuk orang kurang upaya selain pelepasan diri isteri yang juga orang kurang upaya sebanyak RM2,500. Mulai tahun 1996 pelepasan bagi anak kurang upaya telah dinaikkan daripada RM800 kepada RM5,000 seorang. Pelepasan cukai bagi pembelian alatan sokongan asas bagi pembayar cukai, isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya juga telah dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000 mulai tahun 1996. Golongan orang kurang upaya juga diberi pengecualian kos rawatan perubatan di hospital kerajaan. Mereka juga dikecualikan bayaran dokumen perjalanan. Mereka juga diberi 50 peratus pengecualian duti eksais ke atas pembelian kereta dan motosikal nasional. Golongan orang kurang upaya juga menikmati 50 peratus diskaun apabila menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dan penerbangan domestik MAS. Kerajaan juga memberikan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas semua peralatan yang direka cipta khusus untuk kegunaan orang kurang upaya.

15. Di samping itu, Kerajaan juga memberikan insentif kepada syarikat-syarikat yang mengambil orang kurang upaya sebagai pekerja mereka. Syarikat-syarikat diberikan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan gaji pekerja kurang upaya yang bekerja dengan mereka. Syarikat-syarikat juga diberikan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan untuk melatih golongan kurang upaya yang bukan pekerja syarikat di institusi latihan di Malaysia. Syarikat-syarikat juga diberikan potongan cukai ke atas perbelanjaan untuk membeli peralatan bagi kegunaan pekerja kurang upaya mereka.

16. Persamaan peluang yang diberikan Kerajaan kepada golongan ini melalui penyediaan kemudahan-kemudahan oleh agensi-agensi berkaitan telah direbut dan dimanfaatkan oleh golongan orang kurang upaya bagi mencapai cita-cita dalam kehidupan. Justeru

itu, sehingga kini terdapat ramai di kalangan orang kurang upaya yang telah menempa kejayaan di bidang masing-masing.

17. Bagi memastikan golongan orang kurang upaya berpeluang menjawat jawatan-jawatan yang sesuai di sektor swasta, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penggalakan Penggajian Orang Cacat Di Sektor Swasta di bawah Jabatan Buruh, Kementerian Sumber Manusia dalam tahun 1990. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia dan dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Majikan, Kesatuan Sekerja, dan Pertubuhan Orang Kurang Upaya. Sehingga akhir tahun 2001, seramai 4,490 orang kurang upaya berjaya menjawat jawatan di sektor swasta iaitu 645 orang kurang upaya penglihatan, 1,597 kurang upaya pendengaran, 1,956 kurang upaya anggota dan 292 kurang upaya mental.

18. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh telah berjaya memperkenalkan satu Kod Amalan Penggajian O.K.U. di sektor swasta. Tujuan Kod Amalan ini digubal adalah untuk dijadikan sebagai garis panduan kepada masyarakat cara yang paling berkesan untuk mendaftar dan menempatkan orang kurang upaya bekerja di sektor swasta. Di samping itu tujuan Kod Amalan ini juga meningkatkan kesedaran di kalangan orang kurang upaya bahawa sebenarnya mereka mempunyai peluang yang luas untuk memasuki alam pekerjaan jika mereka melengkapkan diri dengan kemahiran dan pelajaran. Kod Amalan ini mengandungi prosedur lengkap tentang pendaftaran dan penempatan orang kurang upaya secara lebih sistematik dan komprehensif.

19. Bagi sektor awam pula, di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1988, satu peratus peluang pekerjaan di sektor awam hendaklah diperuntukkan kepada golongan orang kurang upaya. Sehingga kini Kerajaan telah menawarkan pekerjaan kepada seramai 446 orang kurang upaya. Jenis pekerjaan yang dijawat oleh golongan kurang upaya ini adalah daripada kumpulan profesional hinggalah ke peringkat kumpulan sokongan. Dalam bidang akademik ada antara mereka yang berjaya menjadi ahli profesional dan pakar dalam bidang akademik mengikut bidang masing-masing seperti pensyarah dalam bidang perundangan, ekonomi, sejarah, teknologi dan sebagainya.

20. Penglibatan atlit-atlit kurang upaya dalam bidang sukan telah dapat merealisasikan hasrat kita, iaitu 'sukan untuk semua' dan 'sukan untuk kecemerlangan'. Atlit-atlit sukan kurang upaya selaras dengan slogan 'Malaysia Boleh' kini lebih berkeupayaan dan telah menempa kejayaan dalam kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa. Mereka juga berjaya mencatat rekod dunia dalam acara renang, angkat berat dan olahraga dalam Sukan Paralimpiad Malaysia 2002 serta Sukan Komanwel 2002 di Manchester, England baru-baru ini.

21. Kejayaan yang dicapai oleh golongan ini telah membuktikan bahawa mereka juga boleh dan dapat bersama- sama dengan golongan normal memberi sumbangan ke arah pembangunan dan kemajuan diri dan negara. Peluang yang diberikan oleh majikan telah membuktikan bahawa mereka sebenarnya golongan yang setia, tekun, jujur, berdedikasi dan produktif. Golongan orang kurang upaya ini tidak mengharapkan simpati daripada orang lain. Mereka mengharapkan peluang supaya mereka dapat hidup berdikari. Dengan itu, saya berharap semua pihak akan lebih memahami potensi orang kurang upaya dan seterusnya bersedia untuk membuka ruang atau peluang kepada golongan orang kurang upaya untuk bekerja di syarikat masing-masing. Yang penting, pengambilan mereka janganlah dianggap sekadar memenuhi tanggungjawab sosial semata-mata. Mereka harus diberi peluang dan kesempatan untuk menunjukkan potensi mereka sambil dapat menikmati kehidupan yang lebih bermakna tanpa bergantung harap kepada orang lain.

22. Bagi seseorang orang biasa, mendapat pekerjaan adalah suatu yang lumrah, tetapi bagi seseorang yang kurang upaya, ianya merupakan satu anugerah yang amat bermakna. Secara tidak langsung, ianya memberi kesempatan bagi mereka mengintegrasikan diri dan bergaul dengan masyarakat dan menjadi sebahagian daripadanya. Di samping dapat menyara diri dan keluarga, ia secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan kemampuan dan keupayaan mereka dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

23. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia terus menghadapi pelbagai cabaran dan yang terbaru ialah landaan globalisasi dan teknologi maklumat. Dalam era global dan I.T. ini, Kerajaan menggalakkan seluruh rakyat termasuk golongan orang kurang upaya beralih kepada teknologi maklumat dan komunikasi (I.C.T.) untuk menentukan golongan orang kurang upaya tidak ketinggalan dalam era I.C.T. Mereka juga telah dipilih sebagai satu kumpulan sasaran yang akan menikmati faedah di bawah program `bridging the digital divide'. Di bawah program ini, satu rangkaian atau `network' akan diwujudkan untuk membolehkan orang kurang upaya berinteraksi di antara satu sama lain melalui komputer di samping rangkaian maklumat yang penting termasuk maklumat mengenai peluang pekerjaan dan kemudahan-kemudahan untuk mereka. Ia juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan penglibatan dalam "k-ekonomi".

24. Di bawah program `bridging the digital divide' ini Kerajaan akan mengambil kira jenis kecacatan orang kurang upaya. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Orang-orang Pekak yang telah berjaya melancarkan E-Pekak, iaitu suatu portal bagi orang pekak di Malaysia.

25. Saya juga gembira mendapati semakin ramai anggota masyarakat yang prihatin melaporkan kes-kes tertentu kepada agensi-agensi kerajaan. Keprihatinan mereka memang disanjung tinggi. Kecacatan-kecacatan tertentu jika dikenal pasti awal boleh diberi rawatan. Ibu bapa tidak patut merasa malu untuk melaporkan kes-kes kecacatan di kalangan keluarga masing-masing memandangkan satu peratus daripada jumlah penduduk di sesebuah negara memang terdiri daripada golongan orang kurang upaya.

26. Amatlah diharapkan persidangan ini dapat mengubah minda golongan orang kurang upaya supaya tidak terlalu bergantung kepada mana-mana pihak. Penganjuran Persidangan ini jelas menggambarkan bahawa golongan kurang upaya mempunyai falsafah dan azam untuk memajukan diri dalam pelbagai bidang jika diberi peluang termasuk dalam bidang keusahawanan. Keupayaan dan kemampuan golongan kurang upaya ini tidak boleh dipertikaikan lagi. Mereka telah menunjukkan keupayaan dan kemampuan di dalam pelbagai bidang, setanding dengan mereka yang normal.

27. Seperkara lagi yang ingin saya timbulkan ialah harus ada banyak badan bukan kerajaan bergiat secara aktif di negeri-negeri Pantai Timur. Kebanyakan badan-badan bukan kerajaan didapati didaftar di Lembah Kelang dan negeri-negeri Pantai Barat sahaja. Bilangan yang didaftar di negeri-negeri Pantai Timur adalah terhad. Sebaliknya bilangan orang kurang upaya di negeri-negeri Pantai Timur adalah terbanyak dan mereka juga perlu disediakan pelbagai peluang bantuan, rawatan, pemulihan, bimbingan dan latihan.

28. Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada Disability Resources Centre dan Majlis Pemulihan Malaysia yang telah berjaya menganjurkan Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Peringkat Kebangsaan. Saya amat berharap hasil daripada persidangan ini akan lahirlah lebih ramai golongan kurang upaya yang berjaya dalam bidang ekonomi.

29. Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillahhir Rahmannir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Peringkat Kebangsaan.